

**UCAPAN SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
TILAWAH AL-QURAN INDIAN MUSLIM
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2016
Kali Ke- 16 Bersamaan 1438H/2016M**

Tempat : Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, Seremban

Tarikh : 23 Oktober 2016 (Ahad)

Masa : Bermula pada pukul 8.00 pagi, Perasmian pada pukul 3.00 petang

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum w.b.t..

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia..

Yang Berbahagia _____

Yang Berusaha.. _____

- Alu-aluan kepada tetamu kehormat yang hadir -

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berhimpun pada petang yang mulia ini untuk sama-sama menyerikan dan menjayakan Majlis Tilawah al-Quran Indian Muslim Peringkat Negeri Sembilan 2016 kali ke-16 bersamaan 1438H/2016M. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan atas undangan untuk saya hadir dan seterusnya merasmikan majlis yang penuh keberkatan ini. Tidak lupa juga kepada Tuan-tuan dan Puan-puan atas kesudian meluangkan masa bersama kita pada petang ini serta para peserta yang menyertai pertandingan ini, syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan.. Saya difahamkan terdapat beberapa kategori dalam penyertaan pada majlis petang ini; iaitu;

1. Kategori Tilawah – Lelaki (17 orang) manakala Perempuan (19 orang)
2. Kategori Wudhu – Lelaki (18 orang) manakala Perempuan (17 orang)
3. Kategori Azan – 17 orang

Saya yakin bahawa kepentingan pertandingan yang diadakan ini dapat memperkukuh dan menyemarakkan lagi ukhawah Islamiah. Saya berharap nilai ini akan terus dipupuk dan ditingkatkan ke arah membina ummah yang bersatu padu, dinamik dan progresif.

Hadirin Hadirat Sekalian,

Kemajuan dalam Islam perlu diseimbangkan antara kemajuan dunia dan kebahagiaan akhirat. Kejayaan umat Islam antara lain bergantung kepada kekuatan ilmu dan ekonomi di samping kekuatan rohani. Sehubungan itu, meningkatkan amal soleh harus disertai dengan meningkatkan ekonomi dalam erti kata lain, usaha membasmi kemiskinan. Secara asasnya, kemiskinan dari sudut ekonomi dilihat pada kedudukan material atau kebendaan yang dimiliki seseorang, manakala daripada kaca mata Islam, kemiskinan mencakupi sudut kebendaan dan sudut kerohanian seseorang mahupun masyarakat. Dalam usaha untuk membanteras kemiskinan kebendaan, Islam menganjurkan penganutnya supaya bekerja kuat untuk memperoleh rezeki atau pendapatan yang halal. Ini akan membolehkan kita menunaikan kewajipan menyara keluarga dan tanggungan. Pendapatan yang diperoleh hasil daripada kerja yang dilakukan itu juga membolehkan kita melaksanakan kewajipan berzakat di samping memberikan sedekah, mewakafkan harta dan memberikan hadiah sebagai satu cara untuk membersihkan rohani dan harta yang kita miliki.

Salah satu strategi kepentingan mengadakan pertandingan ini adalah dapat memberi pemahaman dan penghayatan terhadap si pembaca Al-Quran mahupun si pendengar. Alunan yang indah ayat suci Al-Quran memberi seribu segala kebaikan kepada si pembaca dan ini dapat meningkatkan lagi qari dan qariah secara terperinci dan dinamik serta banyak lagi peluang dan kebaikan yang boleh didapati dari penghayatan Al-Quran selain menghidupkan semula peranan rohani dalam membangun komuniti Islam di setiap lapangan hidup disamping mengingatkan kita tentang nikmat kehidupan dan azabnya kematian.

Tambahan pula, Islam amat menganjurkan umatnya supaya memakmurkan masjid dengan mengunjungi dan melaksanakan pelbagai bentuk ibadat, seperti solat berjemaah, bertadarrus al-Quran, mengadakan kelas-kelas pengajian dan pelbagai aktiviti sosial dan kebajikan. Akhlak ini sewajarnya disemarakkan sehingga dapat diangkat sebagai tempat untuk memperteguh keimanan dan menggilap kerohanian agar umat Islam meletakkan seluruh kehidupan mereka kepada Allah selaras dengan tuntutan Islam yang sebenar. Inilah komitmen dan tuntutan Islam yang sebenar untuk menjamin kesejahteraan duniawi dan ukhrawi. Semoga kita memperoleh natijah yang kita hajati dalam mengembangkan syiar Islam.

Dengan menganjurkan program ini, ianya dapat menyuburkan minat membaca Al-Quran, memupuk nilai-nilai cara hidup islam yang mendalam dalam kalangan anak-anak. Ia ternyata telah membuahkan hasil seperti yang kita lihat pada hari ini. Sesungguhnya tanggungjawab yang besar ini tergalas di bahu para pendidik di sekolah khususnya dan warga pendidikan amnya termasuklah para ibu bapa.

Hadirin Hadirat Sekalian,

Saya percaya, penganjuran majlis ini bukan sekadar untuk meraikan kejayaan anak-anak menamatkan acara pertandingan pada hari ini, tetapi apa yang paling penting ialah mesej yang hendak disampaikan dan pengertiannya kepada kita. Penghayatan kepada isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran melalui acara tilawah dan hafazan, mesej-mesej yang ingin disampaikan melalui alunan nasyid yang merdu dan nilai-nilai murni serta cara hidup islam yang disampaikan melalui pertandingan juga akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekati diri kepada Illahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan. Ini kerana Al-Quran banyak mengajak dan menyeru manusia untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan.

Selain itu, miskin kerohanian merupakan penyakit sosial yang lebih bahaya. Penekanan dalam membanteras kemiskinan rohani merupakan antara hikmah agama

Islam diturunkan. Pada zaman Arab Jahiliah, masyarakatnya hidup bergelumbang dengan maksiat akibat kemelataran rohani. Justeru itu, wajarlah masyarakat kini terutamanya ibu bapa memantau kelakuan anak-anak mereka agar tidak terlibat dengan mana-mana gejala sosial. Tersebarnya gerakan kumpulan pengganas seperti ISIS dan DAESH kini amat menakutkan kerana militan ini sememangnya sedang memburu para belia remaja dan kanak-kanak untuk direkrut bagi menggerakkan kumpulan mereka.

Satu kajian oleh Pusat Kajian Pew, yang berpangkalan di Amerika Syarikat, pada tahun lalu mendedahkan sekurang-kurangnya 11 peratus rakyat Malaysia bersimpati terhadap kumpulan militan Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS) dan peratusan itu lebih tinggi berbanding rakyat Indonesia (4 peratus) - negara dengan penduduk Islam paling ramai di dunia. Dan ia terbukti, apabila di Malaysia telah pun menyaksikan penglibatan golongan muda Islam untuk turut serta berjuang di medan peperangan yang berlaku di Syria atas nama “jihad” dan “syahid”.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein juga pernah mengesahkan dua pengebom berani mati yang terbabit dalam kejadian serangan militan di Iraq dan Syria adalah rakyat Malaysia. Sementara, Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Fuzi Mohd Harun menyatakan sekurang-kurangnya lapan kanak-kanak Malaysia direkrut dan dilatih menjadi anggota kumpulan militan ISIS atau pengganas Daesh di beberapa kem di Syria dan Iraq.

Bukan itu sahaja, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, Senior Asisten Komisen Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay sebelum ini turut mendedahkan bahawa terdapat dua kem latihan di Syria yang dikenal pasti merekrut dan melatih kanak-kanak dalam perjuangan kumpulan militan IS atau juga dikenali sebagai Daesh, yang mana difahamkan terdapat kira-kira 500 kanak-kanak mengikuti latihan di kem di negara berkenaan.

Melihat kepada senario tersebut, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar nyata tidak mahu membiarkan kumpulan militan ISIS ini terus 'menyerang' rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan kanak-kanak apabila menyatakan bahawa pihaknya komited melakukan yang terbaik dan menjalankan langkah-langkah pencegahan awal bagi memantau dan menghentikan sebarang percubaan merekrut kanak-kanak menyertai kumpulan tersebut.

ISIS Aktif Rekrut Golongan Muda Secara 'Online'. Oleh itu, awasilah anakanda dan lakukanlah kawalan penggunaan internet agar minda mereka tidak mudah dieksploitasikan oleh media massa lebih-lebih lagi bagi mereka yang masih bersekolah rendah mahupun menengah. Penggunaan internet secara meluas mendedahkan pengaruh yang lebih tinggi terhadap anak-anak dan ini membolehkan sebarang kemungkinan kerosakan yang berlaku kepada anak anda baik dari segi jasmani mahupun rohani. Dengan usaha ini, kita berharap kadar kes jenayah, gejala negatif dan sebagainya dapat dikurangkan serta dihapuskan.

Permasalahan sosial yang sedang meruncing kini seharusnya mendapat perhatian semua pihak. Samada secara sedar atau tidak, peningkatan kes-kes yang dikategorikan sebagai gejala sosial kini berada pada tahap yang agak membimbangkan kerana ia boleh memecahkan struktur nilai yang dipegang oleh sebahagian besar komuniti tersebut. Kajian mendapati bahawa penglibatan remaja dalam masalah sosial sangat berkait rapat dengan latar belakang dan cara hidup mereka dalam keluarga. Walau bagaimanapun terdapat faktor-faktor lain yang menentukan remaja terjebak dalam kegiatan ini. Antaranya ialah faktor psikologi individu itu sendiri serta pengaruh persekitaran.

Tarikan yang kuat terhadap pergaulan bebas dan pengaruh rakan sebaya dikenal pasti menjadi sebab utama remaja mudah melanggar nilai dan norma masyarakat. Maka ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam pemantauan terhadap anak-anak.

Masyarakat Indian Muslim yang dilihat kini pun terdapat beberapa yang terlibat dengan pengaruh gejala sosial tidak kira lelaki mahupun perempuan. Akibat daripada

ini, maka lahirlah generasi yang dangkal pemikiran dan gagal memanfaatkan kekuatan jasad, akal dan rohani yang ada pada mereka. Akibatnya, sering kita perhatikan apabila mereka dilanda kekecewaan atau dugaan seperti putus cinta, konflik diri ataupun tekanan pelajaran, mereka akan begitu mudah mencari penyelesaian yang sebenarnya bukan jawapan kepada permasalahan yang dihadapi. Maka bertambahlah kes membunuh diri, dadah, arak, lari dari rumah dan zina, kononnya sebagai jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi.

Sungguhpun begitu, anak-anak perlulah dibimbing dan diberi pendekatan pendidikan yang sempurna semampunya demi masa depan mereka. Terdapat beberapa saluran yang betul bagi membantu pendidikan anak-anak terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Majlis yang diadakan secara tahunan ini amatlah bermakna kepada umat Islam di negara ini kerana ia menjadi bukti keutuhan agama Islam yang menyumbang ke arah perpaduan umat Islam di seluruh negara. Saya amat berbangga dan bergembira dengan penyertaan yang amat menggalakkan dari semua peserta kerana ia dapat menggambarkan semangat perpaduan dan cintakan Al-Quran yang menjadi panduan dan ikutan umat Islam seluruhnya. Memandangkan perbelanjaan bagi peruntukan program ini begitu tinggi, saya dengan sukacitanya akan menyumbang sejumlah RM10,000 bagi program ini.

Islam adalah agama yang amat mementingkan nilai akhlak di dalam kehidupan manusia. Ini adalah amat tepat sekali kerana tujuan utama Nabi Muhammad s.a.w diutuskan ke dunia ini adalah untuk membawa mesej akhlak mulia untuk dihayati oleh semua peringkat manusia di dunia ini. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah *Al-Ahzab ayat 21* bermaksud: *"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan balasan baik hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."*

Dengan kata-kata demikian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Indian Muslim Peringkat Negeri Sembilan Kali Ke-16 bersamaan 1438H/2016M.

Sekian, wabillahit taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.